

Juhar hadiri Majlis Iftar Ramadan UMS

UB 21.7.2014 B4

KOTA KINABALU: Yang Dipertutama Negeri Tun Haji Dr Juhar Haji Mahiruddin berkenan menghadiri Majlis Iftar Ramadan yang diadakan di Masjid Universiti Malaysia Sabah (UMS) petang kelmarin.

Dalam majlis itu, Juhar telah menyampaikan

sumbangan Hari Raya berbentuk wang tunai dan persalinan solat kepada 40 orang yang terdiri daripada 20 pelajar dan 20 kakitangan UMS.

Dalam majlis itu juga, penyampaian sumbangan zakat sebanyak RM13,000 disampaikan oleh wakil Pusat Zakat Sabah kepada

UMS yang diterima oleh Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Turut hadir dalam majlis itu, Ahli Lembaga UMS Tun Zaki Tun Azmi, kalangan dekan daripada semua fakulti, pensyarah-pensyarah dan kakitangan serta siswa siswi UMS.